

21 APR 2003

MALAYSIA-EAB/I

SYED MOKHTAR SERTAI USAHA SAMA RM1 BILION DI EAB

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Tidak lama lagi Malaysia akan menerima penanaman modal yang besar dalam beberapa sektor penting daripada sebuah syarikat pelaburan usaha sama yang baru ditubuh dengan modal dibenarkan berjumlah RM1 bilion.

Satu memorandum persefahaman (MOU) bagi menubuhkan usaha sama itu telah ditandatangani oleh dua orang peneraju industri yang terkenal - Tan Sri Syed Mokhtar Al Bukhary dari Malaysia dan Mohamed Ali Alabbar dari Emiriyah Arab Bersatu (EAB).

MOU itu ditandatangani dengan disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, lewat Februari lalu.

Kenyataan mengenainya telah dikeluarkan oleh Gulf International Investment Group, sebuah syarikat pelaburan yang dibentuk oleh sekumpulan pemegang saham dari Asia Barat, antaranya, Mohamed Ali Alabbar.

Bercakap pada majlis menandatangani MOU itu, Syed Mokhtar berkata, "Syarikat ini akan memberi tumpuan kepada pelaburan dalam utiliti, pengeluaran dan pemprosesan aluminium, penjaan kuasa, kewangan, pelaburan dan pembangunan hartanah, dan dalam sektor-sektor teras yang pantas pertumbuhannya di Asia Tenggara.

"Ia juga akan berupaya menarik pelaburan langsung asing dari seluruh dunia, khususnya dari rantau Timur Tengah di mana pelabur-pelaburnya sedang mencari bidang-bidang pertumbuhan modal yang baru dan menarik," katanya.

Alabbar berkata: "Dengan mengambil kira gabungan peluang-peluang pelaburan yang menarik di Asia Tenggara serta kepakaran dan keupayaan Syed Mokhtar di sini, syarikat baru ini akan memperkukuhkan keyakinan pelabur terhadap Malaysia dan rantau ini.

"Pelabur-pelabur yang sedang mencari pilihan berpeluang sekali lagi mengalami pertumbuhan sebenar. Setelah menganalisis arah aliran ekonomi global, kami yakin bahawa masa untuk melabur di rantau ASEAN adalah sekarang," tegasnya.

Setelah tinggal dan bekerja di Asia Tenggara selama lebih sepuluh tahun, Alabbar boleh menjadi 'duta' yang berpengaruh bagi entiti baru ini di Asia Barat dan Asia Tenggara.

Syed Mokhtar berkata: "Syarikat baru ini dijangka menjadi sebuah konglomerat yang akan melabur dalam syarikat-syarikat tempatan dan serantau dalam sektor-sektor teras ekonomi yang menawarkan pertumbuhan modal."

"Ia akan menjana nilai pemegang saham yang berterusan, mula-mula melalui pelaburan dalam sektor-sektor teras dan kemudian melalui usaha mengenal pasti dan menceburi bidang-bidang pertumbuhan baru," katanya.

Syed Mokhtar terkenal kerana perannya dalam memajukan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Johor dan cadangan menukar Lapangan Terbang Senai menjadi hab logistik utama sebagai pelengkap kepada PTP.

Beliau telah menceburi bidang perniagaan sejak 30 tahun lalu dan bergiat cergas dalam beberapa syarikat senarai awam dalam bidang kuasa, pelabuhan, perlombongan, perhotelan, peruncitan, perniagaan beras dan gula serta penanaman kelapa sawit.

Alabbar adalah seorang ahli perniagaan yang berwawasan dari Asia Barat dengan kejayaan-kejayaan yang dicapai di Asia Tenggara.

Beliau adalah salah seorang daripada lima rakyat keturunan Arab ternama yang dipilih oleh majalah 'Euromoney' dalam senarai 50 tokoh ekonomi terkemuka di dunia, manakala 'Advertising Age' memilih beliau sebagai salah seorang 'Superstar' Pemasaran Antarabangsa.

Selain menerajui perusahaan-perusahaan utama dalam sektor awam dan swasta di rantau Asia Barat, Alabbar adalah juga pengerusi Royal Clicks Ltd, sebuah syarikat yang disenaraikan di Singapura, yang memasarkan lebih 75 jenama fesyen di lebih 30 negara di rantau Asia Pasifik dan Asia Barat.

-- BERNAMA

MR MKO KY AA